

## MSWG : Dedahkan hasil siasatan Bridget Lai



RITA BENOY BUSHON

Oleh SARAH NADLIN ROHIM

KUALA LUMPUR 7 Mac – Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd. (MSWG) mahu Lembaga Pengarah Alliance Financial Group Bhd. (AFG) lebih telus dalam memperjelaskan siasatan dalaman yang dilakukan ke atas ketua pegawai eksekutifnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rita Benoy Bushon berkata, langkah itu penting untuk memastikan sebarang tindakan baik pulih yang akan diambil, melindungi kepentingan bank dan nilai pemegang saham di masa hadapan.

“MSWG berpendapat para pemegang saham berhak mendapat maklumat mengenai hasil keputusan siasatan dalaman yang dilakukan oleh AFG.

“Ia bertujuan memastikan kepercayaan para pemegang saham, khususnya dan orang awam secara amnya tidak terjejas, yang boleh memberi implikasi kurang baik kepada bank berkenaan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata demikian ketika mengulas lanjut mengenai keputusan Ketua Pegawai

Eksekutif Alliance Bank Malaysia Bhd., Datuk Bridget Lai yang memutuskan untuk meletakkan jawatan berkuat kuasa 1 April ini sebagai penyelesaian bersama kepada satu siasatan dalaman yang dilakukan oleh bank berkenaan.

Rita berkata, keputusan Lai meletakkan jawatannya adalah hak beliau yang perlu dihormati.

“Bagaimanapun, Lembaga Pengarah juga perlu membuat pengumuman secepat mungkin mengenai pengganti beliau, untuk memastikan pelaksanaan strategi-strategi bank dan operasi harian berterusan dengan lancar dan tidak menjejaskan nilai pemegang saham.

“Ketelusan adalah antara ciri penting tadbir urus korporat yang baik. Walaupun pihak bank dan Lai telah mencapai satu jalan penyelesaian tetapi keputusan siasatan perlu didedahkan,” jelasnya.

Sebelum ini, Alliance Bank dalam kenyataannya di sini berkata, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan pertikaian mereka yang masih berlarutan.

Kata kenyataan itu, peletakan jawatan tersebut merupakan keputusan bersama yang diambil antara Lai dan pihak bank dan bukan keputusan Lai sendiri.

Selepas kenyataan tersebut, AFG turut mengumumkan peletakan jawatan Shim Kon Teck sebagai Ketua Pegawai Operasi Alliance Bank, anak syarikat kumpulan itu, berkuatkuasa mulai 1 April, 2010.

Pengumuman itu dibuat menerusi kenyataannya kepada Bursa Malaysia.

Peletakan jawatan Shim adalah susulan daripada peletakan jawatan Lai minggu lepas, yang juga berkuatkuasa mulai 1 April.

Lembaga AFG telah menyoal kedua-dua Lai dan Kon Teck di bawah penyiasatan dalaman mengenai perkara operasi berhubung kerja-kerja pengubahsuaian yang dibuat dalam jabatan hartanah institusi kewangan itu.

Temasek Holdings pelabur Singapura menguasai 29 peratus Alliance Financial menerusi Vertical Theme Sdn. Bhd, dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, pengurus dana pencen terbesar Malaysia pula menguasai 13.9 peratus.



BRIDGET LAI